

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana pihak Kementerian akan menggunakan peruntukan yang diberikan bagi membendung jenayah *cybersexual* terhadap kanak-kanak sejak ianya semakin meningkat.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah membuat pengumuman berkaitan penubuhan Task Force Jenayah Seksual bagi mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak dalam ucapan beliau sempena Hari Wanita Kebangsaan 2016 pada 25 Ogos 2016.

Sehubungan dengan itu, dua mesyuarat Task Force telah diadakan pada 6 September 2016 dan 4 Oktober 2016. Mesyuarat tersebut telah dianggotai oleh wakil daripada Pejabat Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia, ahli-ahli akademik, serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO), khasnya berkaitan kanak-kanak seperti National Council of Women's Organisation (NCWO), UNICEF, P.S. The Children, Women Centre for Change (WCC), Malaysian Social Workers Association (MASW), International Women Rights Action Watch Asia Pacific (IWRAW) dan sebagainya.

Susulan perkembangan ini, satu draf kerangka perundangan khas berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah berjaya dirangka dan dibentang kepada semua ahli dalam mesyuarat Task Force Jenayah Seksual pada 4 Oktober 2016. Cadangan kerangka perundangan ini merangkumi pelbagai kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak

seperti pornografi terhadap kanak-kanak dan “online & offline sexual child grooming”. Bacaan pertama Rang Undang-Undang dijangka dibentangkan di Parlimen setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.